

# → BAHANA MERCUN

## Pelajar mungkin buta mercun kena muka

BH  
11/7/17  
MIS-16

→ Wajah melecur, mata kanan alami Kecederaan parah

Oleh Mohamed Farid Noh  
farid\_noh@bh.com.my

► Kluang

**M**ata kanan seorang pelajar Tingkatan Dua mungkin buta, manakala mata kirinya turut parah selepas mercun yang dibakar tiba-tiba meletup dan terkena muka.

Kejadian yang menimpa Faizul Fitri Mamasu, 14, kira-kira jam 10 malam, Ahad lalu itu, mulai viral di media sosial malam kelmarin apabila kisahnya yang hilang penglihatan dimuat naik menerusi internet.

Bapa tirinya, Khairul Ahmad Sulaiman, 34, ketika



**Faizul Fitri yang parah pada kedua-dua mata** serta mukanya dirawat di Hospital Sultanah Aminah (HSA) Johor Bahru.

dihubungi berkata, anak sulungnya itu berada di rumah ibunya di Taman Kluang Baru, bagi menghabiskan cuti persekolahannya.

“Saya dan ibunya terkejut apabila dihubungi adik menyatakan Faizul Fitri parah terkena mercun yang meletup sebelum bergegas pulang ke Kluang, Ahad lalu.

### Keadaan stabil

“Keadaan Faizul Fitri yang dirawat di Hospital Sultanah Aminah (HSA) Johor Bahru kini stabil berikutan kesan melecur terbakar pada muka hampir pulih,

namun kecederaan di mata kanannya parah dan dia mungkin hilang penglihatannya,” katanya.

### Hubungi keluarga

Ketua Polis Daerah Kluang, Asisten Komisioner Mohamad Laham, mengesahkan kejadian selepas pihaknya merujuk kes berkenaan di Hospital Enche Besar Hajjah Khalsom, di sini, malam kelmarin dan sudah menghubungi keluarga mangsa supaya membuat laporan polis.

Beliau berkata, dalam kejadian kira-kira jam 10 ma-

lam Ahad lalu, mangsa sedang bermain mercun di hadapan rumah neneknya di Taman Kluang Baru sebelum mercun padi yang dipegang tiba-tiba meletup dan terkena muka serta kedua-dua matanya.

“Mangsa kemudian menjerit dan meminta tolong sebelum bapa saudaranya menghantar mangsa ke Hospital Enche Besar Hajjah Khalsom dan hasil pemeriksaan, doktor mendapati mata kanannya parah dan kemungkinan buta, manakala mata kirinya juga cedera dan belum pulih,” katanya.

Info

### Kes kena mercun

→ **Mercun** padi dibakar mangsa tiba-tiba meletup menyebabkan serpihan mercun dan percikan api terkena muka mangsa.  
→ **Ia menyebabkan** mu-

ka mangsa melecur dan kedua-dua matanya parah.  
→ **Mata** kanan mangsa yang kritikal mungkin menyebabkan dia hilang penglihatan.